

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS MINGGU HALUAN
SISWA UTeM SESI 2007/2008**

TEMPAT:
DEWAN BANQUET SERI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA

TARIKH :
05 JULAI 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA
PERASMIAN MAJLIS MINGGU HALUAN SISWA UTeM
SESI 2007/2008 BERTEMPAT DI DEWAN BANQUET
SERI NEGERI AYER KEROH PADA 05 JULAI 2007
JAM 2.30 PETANG

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT DAN SALAM
SEJAHTERA

Y.B. DATO' MUSTAPA MOHAMED
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHD DIAH,

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)

Y. BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

SETERUSNYA MAHASISWAI SERTA HADIRIN DAN
HADIRAT YANG SAYA HORMATI

BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SWT
KERANA DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA UNTUK
BERKUMPUL PADA MAJLIS PERASMIAN MINGGU
HALUAN SISWA SESI 2007/2008 PADA PETANG INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA BAGI PIHAK UNIVERSITI MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YB DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE MAJLIS INI DAN SETERUSNYA MENYAMPAIKAN SEPATAH DUA KATA SERTA MERASMIKAN PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA UTeM SESI 2007/2008.

KESUDIAN YB DATO' HADIR PADA PETANG INI DALAM KESIBUKAN SEBAGAI MENTERI TELAH MENYEMARAKKAN SEMANGAT WARGA UNIVERSITI TERUTAMANYA PARA MAHASISWA/I BARU UTeM UNTUK TERUS BERUSAHA GIGIH BAGI MENCIPTA KECEMERLANGAN DIRI DAN UNIVERSITI.

SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PARA MAHASISWA/I BARU UTeM DI DEWAN INI KERANA

MENJADI GOLONGAN YANG BERTUAH TERPILIH MELANJUTKAN PENGAJIAN DI SINI.

ANDA ADALAH KUMPULAN MAHASISWA/I PERTAMA YANG DIAMBIL DENGAN NAMA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) SELEPAS PENJENAMAAN SEMULA NAMA UNIVERSITI INI PADA 01 FEBRUARI 2007. IA ADALAH SATU PENGHORMATAN KEPADA ANDA DAN PERLU DIJADIKAN PENDORONG KE ARAH KECEMERLANGAN ANDA DI UTeM INI.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA/I YANG DIHORMATI

PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA YANG DIADAKAN MULAI 01 JULAI SEHINGGA 07 JULAI INI ADALAH KOMITMEN KAMI DI UTeM UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DENGAN

MEMBERIKAN MAKLUMAT TERKINI KEPADA MAHASISWA/I SEBAIK SAHAJA MEREKA MENDAFTAR DIRI.

OLEH ITU SAYA BERHARAP PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA YANG DIADAKAN SELAMA SEMINGGU INI YANG DIKENDALIKAN OLEH PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA) MEMBERI MANFAAT KEPADA ANDA DENGAN MEMBERI MAKLUMAT JELAS MENGENAI PERJALANAN UNIVERSITI. IA PENTING BAGI MENGELAKKAN ANDA MENGHADAPI MASALAH SEMASA MENUNTUT DI SINI TERUTAMANYA MENGENAI MAKLUMAT AKADEMIK.

SELAIN ITU MINGGU HALUAN SISWA INI JUGA ADALAH SATU PLATFORM KEPADA ANDA UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SUASANA KEHIDUPAN DI UNIVERSITI. IA ADALAH KESEMPATAN KEPADA ANDA UNTUK MENGENALI

MAHASISWA/I LAIN YANG TERDIRI DARI PELBAGAI KAUM DAN NEGERI. MEREKA INI AKAN MENJADI RAKAN ANDA DALAM MENERUSKAN KEHIDUPAN SEBAGAI MAHASISWA/I UTeM SELEPAS INI.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA/I YANG DIHORMATI

UTeM TELAH DITUBUHKAN PADA DISEMBER 2000 DENGAN NAMA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) DAN MERUPAKAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE 14. DARI SEJAK AWAL PENUBUHANNYA SEHINGGA KINI UTeM TELAH MENGALAMI PELBAGAI TRANSFORMASI BAIK DARI SEGI AKADEMIK, SUMBER MANUSIA DAN PEMBANGUNAN KAMPUS.

BERMULA DARI PENGAMBILAN PERTAMA SERAMAI 348 ORANG PADA JUN 2001, KINI UTeM MEMPUNYAI PELAJAR MELEBIHI 6000 ORANG. UTeM MENJANGKAKAN AKAN MEMPUNYAI PELAJAR SERAMAI 10,000 ORANG PADA TAHUN 2010.

DI SAMPING 5 PROGRAM DIPLOMA DAN 20 PROGRAM SARJANA YANG SEDIA ADA, PADA TAHUN INI UTeM TURUT MENAWARKAN 2 PROGRAM BARU PADA PERINGKAT SARJANA MUDA IAITU SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI WAYARLES) DAN SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPINTARAN BUATAN) UNTUK KEMASUKAN SESI 2007/2008 INI.

UTeM JUGA MENAWARKAN PENGAJIAN PADA PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH. PADA TAHUN 2007 INI ENROLMEN PELAJAR PADA PERINGKAT PASCA SISWAZAH ADALAH SERAMAI

200 ORANG. BILANGAN INI AKAN TERUS DIPERTINGKATKAN PADA MASA HADAPAN.

DARI SEGI SUMBER MANUSIA, BILANGAN STAF UTeM TELAH SEMAKIN MENINGKAT. STAF UTeM KINI ADALAH SERAMAI 1166 ORANG IAITU TERDIRI DARIPADA 3 ORANG PENGURUSAN TERTINGGI, 545 PERJAWATAN AKADEMIK DAN 618 PERJAWATAN SOKONGAN / PENTADBIRAN.

SEHINGGA TAHUN 2007 INI PIHAK UNIVERSITI TELAH MENGHANTAR 103 ORANG STAF AKADEMIK BAGI MENYAMBUNG PENGAJIAN, IAITU 25 ORANG PADA PERINGKAT SARJANA DAN 78 PADA PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH. IA DILAKUKAN SUPAYA UNIVERSITI DAPAT MENJAMIN DAN MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN DI UTeM.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

PADA AWAL PENUBUHAN, UTeM BEROPERASI DI LOT RUMAH KEDAI DI TAMAN TASIK UTAMA. PENYUSUNAN SEMULA KAMPUS SEMENTARA DIBUAT DI KAMPUS INDUSTRI SEKARANG.

2 BUAH FAKULTI IAITU FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) DAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE) MULA BERPINDAH DI KAMPUS INDUK PADA PENGHUJUNG TAHUN 2004 DAN AWAL TAHUN 2005.

PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK UTeM DIJANGKA AKAN HAMPIR SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 2009 MELALUI PERUNTUKAN DALAM RMK9. KEADAAN INI AKAN MEMBERI SUASANA

PEMBELAJARAN YANG LEBIH KONDUSIF KEPADA PELAJAR UTeM.

KAMPUS BANDAR YANG TERLETAK DI JALAN HANG TUAH, MEREKA PULA MULA BEROPERASI PADA BULAN JUN YANG LEPAS. BEBERAPA PUSAT TANGGUNGJAWAB DITEMPATKAN DI KAMPUS BANDAR IAITU:

- I) INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)
- II) PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PPP)
- III) PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI (PJKA)
- IV) PENERBIT UNIVERSITI
- V) PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PPSH)

PELBAGAI AKTIVITI DAN PROGRAM DIRANCANG DI SANA TERUTAMANYA BAGI MENGADAKAN PROGRAM-PROGRAM EKSEKUTIF DI BAWAH INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK) DAN PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PPSH). INI SECARA LANGSUNG AKAN DAPAT MENJANA PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA/I YANG DIHORMATI

SELEPAS LEBIH 6 TAHUN DITUBUHKAN, UTeM BERJAYA MENANGANI BEBERAPA MASALAH ASAS YANG DIHARAPI PADA AWAL PENUBUHANNYA IAITU DARI ASPEK AKADEMIK, SUMBER MANUSIA DAN PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK. KESEMUANYA INI MENUNJUKKAN KEMATANGAN UTeM UNTUK TERUS MENINGKAT MAJU.

KEKURANGAN DAN KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH UTeM MERUPAKAN SATU CABARAN BAGI MELAHIRKAN MAHASISWA YANG LEBIH KENTAL DAN MATANG. PIHAK UNIVERSITI TELAH BERUSAHA MENYEDIAKAN SEMUA KEPERLUAN YANG DIKEHENDAKI OLEH PELAJAR, TETAPI TANGGUNGJAWAB BAGI MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI TIDAK SAHAJA TERLETAK KEPADA TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI. IA JUGA MENJADI TANGGUNGJAWAB PELAJAR ITU SENDIRI UNTUK LEBIH BERJAYA.

BERTEPATAN DENGAN TEMA MINGGU HALUAN SISWA INI IAITU "MAHASISWA UNGGUL NEGARA TERBILANG" MAKA MAHASISWA/I HARI INI PERLU MEMAHAMI BAHAWA MEREKA ADALAH HARAPAN NEGARA UNTUK MENERUSKAN KECEMERLANGAN YANG TELAH DIKECAPI SEKARANG.

BAGI MEMASTIKAN PERKARA INI DICAPAI MAKA ANDA PERLU MEMPUNYAI “*TOWERING PERSONALITY*” (PERSONALITI UNGGUL) DENGAN MEMPUNYAI NILAI-NILAI POSITIF SEPERTI JATI DIRI, BERKEYAKINAN TINGGI, BERWIBAWA, MAMPU BEKERJASAMA, BERTOLERANSI DAN BERFIKIRAN TERBUKA.

SELAIN ITU ANDA JUGA PERLU MENGUASAI KEMAHIRAN INSANIAH ATAU *SOFT SKILL* SUPAYA ANDA MENJADI MODAL INSAN KELAS PERTAMA YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

UNTUK ITU UTeM TELAH MEMBERI FOKUS KEPADA PERKARA INI DENGAN MENUBUHKAN PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN (PBPI). PENEKANAN DALAM ASPEK-ASPEK PENTING KEMAHIRAN INSANIAH SEPERTI PENAMPILAN DIRI, DAYA KEPIMPINAN, KEBOLEHAN BERKOMUNIKASI,

DAN SEBAGAINYA DILAKSANAKAN SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN MEREKA DI UNIVERSITI INI.

YB DATO'/TUAN/PUAN/PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

SAYA INGIN MENGINGATKAN KEPADA PARA MAHASISWA/I BARU UTeM HARI INI SUPAYA MENJADI MAHASISWA YANG UNGGUL DEMI MASA DEPAN NEGARA SEPERTI YANG DIHARAPKAN. JADIKAN DIRI ANDA SEORANG YANG SANGAT BERHARGA DAN PERMATA BAGI MELETAKKAN NEGARA MALAYSIA SEBAGAI NEGARA TERBILANG.

AKHIR KATA SAYA MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA YB. DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA KERANA MELAPANGKAN MASA PADA MAJLIS INI. KEPADA SEMUA PARA MAHASISWA/I

SYA UCAPKAN SEMOGA MAJU JAYA SEMASA
MENUNTUT DI UTeM INI.

SEKIAN TERIMA KASIH.

WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH
WASALAMUALIKUM ASM WRT WBT.